

Bengkel “Train to Success”

Oleh : Dr Masyitah Md Nujid

Pada 6 Mac 2019 Unit Sahsiah Motivasi Pembangunan Pelajar (SMPP) dengan kerjasama Unit Kerjaya Kaunseling (UKK) UiTM CPP telah mengadakan siri aktiviti (Train To Success) yang dimulai dengan sesi pengenalan bersama hampir 90 orang pelajar dari FKA (EC110 & EC221). Maklumat pelajar seperti alamat email diambil bagi memudahkan komunikasi di antara pelajar bersama pelatih UKK.

Ini kerana para pelajar dikehendaki mengikut siri berikutnya seperti klinik kaunseling, klinik bersama Mentor dan akhir sekali ialah aktiviti pemantauan akademik pelajar. Beberapa siri aktiviti riadah juga diterapkan dalam pertemuan yang diatur sepanjang 14 minggu pengkuliahahan bagi semester Mac-Julai 2019. Istimewa aktiviti Train To Success bagi semester ini adalah penyertaan Penasihat Akademik (PA) pada sesi taklimat yang disampaikan oleh wakil UKK. Manakala pada 8 Mei 2019 seramai 34 pelajar EC221 dari bahagian 8-9 dipilih untuk menyertai aktiviti PO Intervention berbentuk pertandingan rekacipta video bertemakan “Empowering Civil Engineering Application Towards IR 4.0”.

Tujuan program ini diadakan untuk memenuhi keperluan keberhasilan pengajian program EC221 melalui penilaian ke atas ciri-ciri hardskills and softskills memenuhi kehendak 21st century skill (critical thinking, creative, communication and collaboration). Disamping juga memberi pendedahan kepada pelajar dalam menyertai pertandingan berinovatif di luar ruang lingkup pembelajaran. Kedua-dua aktiviti unit SMPP yang telah dirancang berjalan dengan jayanya.

